



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

HARI BADAK SEDUNIA (WORLD RHINO DAY)

22 SEPTEMBER 2016

Hari Badak Sedunia (World Rhino Day) yang disambut pada 22 September setiap tahun mulai tahun 2010 di seluruh dunia adalah hasil inisiatif World Wildlife Fund (WWF-Afrika Selatan) bertujuan untuk menzahirkan apresiasi kepada kesemua lima spesies badak yang wujud di dunia iaitu Badak Sumatera, Badak Jawa, Badak Putih, Badak Hitam dan Badak India.

Negara kita merupakan habitat kepada salah satu daripada lima spesies badak tersebut iaitu Badak Sumatera (*Dicerorhinus sumatrensis*) yang merupakan salah satu haiwan mamalia tertua di dunia. Badak Sumatera telah diberikan status perlindungan yang ketat di Malaysia. Denda yang berat akan dikenakan kepada sesiapa yang disabitkan kesalahan melibatkan Badak Sumatera.

Di peringkat antarabangsa, Badak Sumatera telah disenaraikan di dalam Appendix I 'Convention of International Trade in Endangered Species' (CITES). Spesies ini juga dikategorikan sebagai 'Sangat Terancam' dalam Senarai Data Merah IUCN (2001).

Kita sedar bahawa antara cabaran yang dihadapi dalam konservasi spesies ini adalah perilaku semula jadi Badak yang solitari iaitu hidup secara bersendirian, memilih musim tertentu untuk membiak yang mana jangka waktu musim tersebut amat pendek, ketidaksuburan dan berlakunya persenyawaan dalam keturunan yang sama (inbreeding). Faktor luaran lain seperti kehilangan habitat yang sesuai serta pemburuan haram berikutan kepercayaan perubatan tradisional turut menyukarkan usaha konservasi ini.

Namun demikian, kerajaan komited untuk memastikan Badak Sumatera tidak pupus di Malaysia melalui kerjasama antarabangsa. Persidangan Sumatran Rhino Crisis Summit di Singapura pada tahun 2013 telah bersetuju dengan cadangan supaya Malaysia dan Indonesia bekerjasama dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan Badak Sumatera dan penekanan terhadap penggunaan (Advanced Reproductive Technology) ART bagi menyelamatkan

spesies ini daripada kepupusan. Melalui kerjasama tersebut dan kepakaran ART dari Eropah, Amerika Syarikat serta Malaysia, adalah diharap isu kepupusan Badak Sumatera dapat ditangani.

Menyedari kepentingan pemuliharaan Badak Sumatra yang merupakan salah satu daripada spesies mamalia yang paling terancam di dunia, Malaysia telah membentangkan cadangan mengenai “Program Kerjasama Pemeliharaan Badak Sumatra Antara Malaysia dan Indonesia” sewaktu 10th Heart of Borneo (HoB) Trilateral Meeting yang telah diadakan di Brunei Darussalam pada 5 hingga 7 September 2016 yang lalu. Tindakan kerajaan ini merupakan satu ‘milestone’ dalam usaha konservasi hidupan liar. Inisiatif HoB bertujuan untuk menguruskan kawasan yang terletak di dataran tanah tinggi di tengah-tengah Kepulauan Borneo, termasuk kawasan tanah rendah berdekatan meliputi kawasan sempadan Brunei Darussalam, Indonesia (Kalimantan) dan Malaysia (Sabah dan Sarawak) secara berkekalan yang melibatkan kawasan hutan yang dianggarkan seluas 20 juta hektar (200,000 kilometer persegi).

Terkini, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sedang melaksanakan proses permohonan rasmi kepada Kerajaan Indonesia berkenaan cadangan program ini untuk pertimbangan. Di samping itu, usaha sedang dilaksanakan bagi mengaturkan perbincangan lanjut mengenai pelaksanaan inisiatif ini di antara ahli-ahli sains dan pakar-pakar dalam bidang berkaitan daripada kedua-dua negara sebagai persediaan awal bagi melaksanakan program kerjasama ini. Saya berbesar hati untuk memaklumkan bahawa dalam program ini, Kerajaan Indonesia telah menawarkan kemudahannya di Way Kambas National Park bagi menyokong kerjasama saintifik ini

Di samping itu, Kerajaan Malaysia komited untuk menjejak dan mengesan kehadiran badak terutamanya di kawasan yang belum diterokai yang terbukti melalui operasi demi operasi yang dilaksanakan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) di Semenanjung Malaysia. Pasukan Rhino Patrolling Unit (RPU) telah ditubuhkan untuk program survei dan meninjau kesan kehadiran Badak Sumatera di kawasan yang pernah diketahui kewujudannya di dalam serta di luar Kawasan Perlindungan.

Di Malaysia, masih terdapat tiga ekor Badak Sumatera yang ditempatkan di dalam kurungan di Rizab Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu, Sabah melalui Program Santuari Badak Sumatera Borneo.

Justeru, sempena Sambutan Hari Badak Sedunia ini, saya menyeru kepada semua rakyat Malaysia untuk berganding bahu bersama Kerajaan untuk memulihara Badak Sumatera yang merupakan khazanah biodiversiti kita. Tanggungjawab melindungi hidupan liar daripada ancaman kepupusan bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi merupakan tanggungjawab setiap rakyat Malaysia.

Elakkan daripada membeli produk yang didakwa memiliki khasiat daripada terbitan badak. Bertindak hari ini untuk kelangsungan biodiversiti kita.